

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1996/97**

**OKTOBER/NOVEMBER 1996**

**RPK 451 - Ekonomi Bandar dan Wilayah**

**Masa : 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

1. Rakan sekerja anda di Pejabat Perancangan berpendapat, pertumbuhan sektor informal di bandar-bandar lebih mendatangkan masalah daripada menyelesaikan persoalan ekonomi bandar. Adakah anda bersetuju dengan pendapat ini? Huraikan jawapan anda dengan:
  - a) Mentakrifkan sektor informal  
(20 markah)
  - b) Memberi sebab mengapa anda bersetuju/tidak bersetuju dengan pendapat di atas.  
(80 markah)

(100 MARKAH)
  
2. a) Terangkan dua daripada ungkapan-ungkapan berikut:
  - i. Julat Pasaran
  - ii. Isodapane
  - iii. Matriks Koefisien

(40 markah)

b) Terangkan samaada;

  - i. Sumbangan Teori Petempatan Pusat dalam perancangan sesebuah pusat perkhidmatan,  
atau
  - ii. Tiga penggunaan kaedah Input-Output dan tiga kelemahan kaedah ini sebagai alat analisis perancangan.  
(60 markah)

(100 MARKAH)

(RPK 451)

3. a) Bincangkan tiga faktor utama yang mempengaruhi lokasi industri seperti diterangkan oleh Teori Lokasi.

(60 markah)

- b) Mengapakah kadar pertumbuhan bandar-bandar besar lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan bandar-bandar kecil.

(40 markah)

(100 MARKAH)

4. a) Terangkan apakah yang dimaksudkan oleh 2 jenis aglomerasi ini.

i. ekonomi pertempatan ("localization economies")

ii. ekonomi perbandaran ("urbanization economies")

(50 markah)

- b) Penjimatan hasil dari aglomerasi boleh dilihat melalui tiga hubungkait (linkages) iaitu:

i. hubungkait pengeluaran

ii. hubungkait perkhidmatan

iii. hubungkait pasaran

Pilih salah satu daripada di atas dan terangkan bagaimana penjimatan dapat dimanfaatkan melalui hubungkait tersebut.

(50 markah)

(100 MARKAH)

5. a) Bincangkan 'Konsep Pengutuban' dan 'Konsep Penyebaran' seperti digunakan dalam Teori Kutub Pertumbuhan.

(40 markah)

- b) Sekiranya anda ditugaskan untuk mengenalpasti satu kawasan untuk dijadikan pusat pertumbuhan, terangkan perkara-perkara yang perlu ada di kawasan itu.

(60 markah)

(100 MARKAH)

(RPK 451)

6. Bandar A mempunyai guna tenaga di sektor asas sebanyak 30,000 orang dan nilai pengganda bersamaan dengan 3, pada tahun 1990. Seorang penganalisis ekonomi membuat unjuran bahawa jumlah keseluruhan guna tenaga pada tahun 2020 akan meningkat sehingga mencapai 180,000 orang.

a) Berdasarkan teori asas-bukan asas, tentukan jumlah guna tenaga bukan asas pada tahun 1990 dan 2020, dan jumlah guna tenaga asas pada tahun 2020.

(30 markah)

b) Apakah yang dapat anda perkatakan mengenai ekonomi Bandar A berdasarkan penemuan di (a)?

(20 markah)

c) Apakah implikasi perancangan terhadap tren guna tenaga ini.

(50 markah)

(100 MARKAH)

7. a) Terangkan apakah yang dikatakan bahagi lokasi, dan apakah batasan-batasan atau kelemahan kaedah ini.

(50 markah)

b) Terangkan bagaimanakah hasil bahagi lokasi dapat dimanfaatkan oleh seorang perancang.

(50 markah)

(100 MARKAH)

oooOOooo